MAKLUMAT JENIS KEAHLIAN

FASAL 6.2.1	**AHLI BIASA (INDIVIDU)** Melayu yang menjalankan perniagaan sebagai tuan punya tunggal,atau tuan punya bersama di dalam sesuatu firma yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan di Tanah Melayu atau Sabah atau Sarawak atau Wilayah Persekutuan. Seseorang yang memohon untuk menjadi ahli mengikut peruntukkan Fasal ini hendaklah mendaftar dengan menggunakan nama perniagaan atau **perkongsian tersebut. Untuk tujuan itu beliau perlulah mendapat kebenaran daripada rakan – akan kongsi yang lain membenarkan beliau bertindak sebagai penama bagi perniagaan atau perkongsian tersebut,dengan syarat** bahawa jika sekiranya pendaftaran Perniagaan bagi perkongsian atau perniagaan tersebut dibatalkan atau terbatal; atau nama sebenarnya telah digugurkan, maka keahlian beliau akan gugur dengan sendirinya.
FASAL 6.2.2	Melayu yang menjalankan perniagaan di Malaysia yang dilesenkan oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri atau Tempatan di Malaysia atau mana – mana pihak yang berkuasa di Malaysia
FASAL 6.2.3	**AHLI BIASA (PROFESIONAL)** Melayu Profesional ditakrif seperti berikut : A Mereka yang berdaftar dengan badan badan professional; B Pengarah Melayu dan/atau Melayu yang menjadi Ketua Eksekutif, Ketua Operasi, Ketua kewangan atau jawatan yang bersamaan dengannya bagi mana-mana syarikat yang diperbadankan di dalam dan di luar Malaysia.
FASAL 6.2.4	**AHLI BIASA (SYARIKAT)** Perniagaan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan/atau memiliki seratus peratus (100%) oleh Kerajaan Malaysia ataupun Kerajaan Negeri dengan syarat bahawa Majlis Eksekutif Dewan diberi kuasa menentukan status Syarikat ini dari masa ke semasa, dan dengan syarat syarikat tersebut perlu menyerahkan Borang 24 dan Borang 49 yang masa ke semasa kepada Majlis Eksekutif Dewan. Hendaklah melantik proksi bagi mewakilinya.
FASAL 6.2.5	Syarikat Perniagaan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 Malaysia dan dimilik seratus peratus (100%) oleh Melayu.
FASAL 6.2.6	**AHLI BIASA (KOPERASI)** Koperasi yang didaftar di bawah Akta Pertubuhan Koperasi 1948 yang dimiliki seratus peratus (100%) oleh Melayu.
FASAL 6.3.1 **6.3.2** **6.3.3** **6.3.4** **6.3.5** **6.3.6**	**AHLI BERSEKUTU** Perniagaan Bumiputera yang dilesenkan dibawah Akta Parlimen; Perbadanan dibawah Akta Atau Enakmen; Perbadanan dibawah Akta Atau Enakmen dimana 51% pengurusannya diterajui oleh Melayu dan Bumiputera; Syarikat Senarai Awam yang dimilikki 30% ekuiti Melayu dan/atau Bumiputera; Warganegara Malaysia yang beragama Islam dan menjalankan perniagaan sama ada di dalam atau luar Malaysia; Ahli Kelab (wanita atau pemuda) yang tidak terangkum Fasal 6.2.1 hingga 6.2.6 yang berminat dalam keusahawan. Keahlian terhad kepada 3 tahun sahaja.
Fasal 6.4.1	**AHLI BERGABUNG** Persatuan, badan atau pertubuhan perniagaan yang ahlinya 100% Bumiputera di peringkat Kebangsaan atau Negeri yang sanggup berkerjasama dengan DPMM Negeri
Fasal 6.5.1	**AHLI KEHORMAT** Orang Perseorangan yang difikirkan dan dianggap munasabah dan layak menjadi Ahli Kehormat oleh Majlis Eksekutif Dewan atau Jawatankuasa DPMMNegeri

JADUAL YURAN AHLI

Fasal Keahlian	Fasal Yuran	Yuran Pendaftaran	Yuran Tahunan
6.2.1	10.2.1,10.3.1	RM50	RM50
6.2.2	10.2.1,10.3.1	RM50	RM50
6.2.3	10.2.2,10.3.2	RM200	RM150
6.2.4	10.2.2,10.3.2	RM200	RM150
6.2.5	10.2.2,10.3.2	RM200	RM150
6.2.6	10.2.2,10.3.2	RM200	RM150
6.3.1	10.2.3,10.3.3	RM500	RM100
6.3.2, 6.3.3, 6.3.4, 6.3.5	10.2.3,10.3.4	RM1,000	RM1,000
6.3.6	10.2.4.1, 10.3.4.1	RM10	RM10
6.4.1	10.2.5, 10.3.5	RM1,000	RM500
6.4.2	10.3.6	RM500	RM250
6.5.1	Percuma	Percuma	Percuma